



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN KONTRAKTOR  
MELAYU MALAYSIA (PKMM) NEGERI PAHANG KALI KE-33**

**BUKIT GAMBANG RESORT CITY, KUANTAN**

**12 MEI 2017 (JUMAAT)  
WAKTU KETIBAAN : 8.30 MALAM**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## **SALUTASI SEWAJARNYA**

Assalamualaikum WBT,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas Iperkenan-Nya memberikan kita semua kelapangan dan kesihatan untuk bersama pada program malam ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Negeri Pahang Kali ke-33, tahun 2017 ini.

2. Sesungguhnya saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama para usahawan dan kontraktor di Pahang. Saya juga dimaklumkan bahawa jumlah ahli PKMM Pahang kini telah mencapai seramai 1,657 orang yang terdiri daripada kontraktor di pelbagai gred dan juga terlibat dalam pelbagai bidang perkhidmatan di dalam industri ini.

3. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan kepimpinan PKMM Pahang yang telah berjaya melaksanakan amanah melalui persatuan ini bagi menjaga kepentingan dan kebajikan ahli-ahli yang merupakan usahawan Melayu yang tulen.

4. Selain itu, saya juga percaya bahawa hampir keseluruhan dari kontraktor yang ada pada malam ini merupakan penerima manfaat atau beneficiaries kepada agensi-agensi di bawah KKLW seperti MARA, RISDA, FELCRA dan lain-lain. Saya berharap agar kerjasama antara PKMM Pahang dengan KKLW serta agensi-agensi di bawahnya yang telah terjalin selama ini dapat diperhebatkan lagi supaya segala program dan aktiviti bertujuan memperkasakan kotraktor-kontraktor di Pahang ini dapat dilaksanakan dengan lebih giat lagi.

## **EKOSISTEM KEUSAHAWANAN**

5. Di dalam bidang keusahawanan, MARA telah mengambil pendekatan keterangkuman program (embedded program) yang menjadikannya unik dengan penyediaan pelbagai fasiliti. Ini amat penting dalam memastikan usahawan-usahawan di negeri Pahang ini ditawarkan dengan suatu ekosistem yang lengkap bagi tujuan pembangunan keusahawanan. Elemen-elemen dalam ekosistem ini antaranya termasuklah pertama; pembangunan modal insan, kedua; pembangunan

industri, dan ketiga; penyediaan sistem sokongan yang baik bagi membantu usahawan. Bagi tahun 2017, MARA telah memperuntukkan sejumlah RM37.8 juta bagi membangunkan usahawan-usahawan di Pahang ini. Dari jumlah ini, sebanyak RM1.8 juta adalah untuk tujuan Latihan Keusahawanan, manakala RM36 juta lagi untuk tujuan Pembiayaan Perniagaan.

6. Pembangunan modal insan memberi fokus kepada pembangunan sumber manusia sebagai usahawan yang kompeten dalam pengurusan dan pembangunan perniagaan dari peringkat mewujudkan para usahawan, sehingga ke peringkat memperkukuhkan mereka dalam usaha niaga yang diceburi. MARA telah menawar dan melaksanakan pelbagai program latihan setiap tahun bagi tujuan ini.

7. Dalam memberi fokus kepada pembangunan industri dan perniagaan milik Bumiputera, MARA telah berusaha membuka lebih banyak peluang dalam pelbagai industri strategik kepada para usahawan untuk membolehkan mereka memainkan peranan utama sebagai industry players yang mampu ke peringkat yang lebih tinggi, bahkan ke peringkat global. Pembangunan industri juga diperkukuhkan lagi dengan penyediaan premis-premis perniagaan yang kondusif kepada usahawan.

8. Penyediaan sistem sokongan seperti pembiayaan perniagaan pula memberi fokus kepada membantu usahawan dalam menyediakan bantuan kewangan sebagai instrumen untuk menyokong aktiviti yang diceburi oleh usahawan dan kontraktor. MARA menyediakan pelbagai Skim Pinjaman, dan sebagai satu contoh yang jelas ialah Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPIKE).

9. Melalui SPIKE, sekiranya usahawan berjaya mendapat kontrak dari kerajaan atau mana-mana Government-Link Companies (GLC), MARA akan membantu dengan memberi pembiayaan sehingga 70% (tujuh puluh peratus) dari nilai kontrak tersebut sebagai modal. Melalui skim ini, pengeluaran bayaran hanya memakan masa maksima 7 hari sahaja selepas semua dokumen yang lengkap dimajukan kepada MARA oleh kontraktor. Pada tahun ini, sehingga April 2017, sebanyak RM7.8 juta telah dikeluarkan oleh MARA kepada kontraktor-kontraktor Pahang melalui SPIKE.

## **KERJASAMA ANTARA KKLW DAN KONTRAKTOR**

10. KKLW sendiri serta agensi-agensinya yang lain telah berusaha untuk menyokong para kontraktor di Pahang dengan menawarkan pelbagai peluang kerja. Antaranya adalah melalui pelaksanaan projek Rumah Bina Negara serta pelbagai lagi projek pembangunan luar bandar. Melalui inisiatif-inisiatif seperti inilah, kontraktor Bumiputera dan Kerajaan dapat sama-sama membangunkan kawasan setempat khususnya dan negara amnya. Sudah tentu, harapan saya ialah supaya kontraktor yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek ini dapat menyiapkannya dengan sempurna dalam masa yang ditetapkan. Ini amat penting kerana, outcome dari inisiatif-inisiatif ini tentulah untuk mensejahterakan rakyat.

## **PENUTUP**

11. Akhir kata, saya mendoakan agar PKMM akan dapat terus mengekalkan momentumnya ke arah mencapai visi dan misinya demi memperkasakan usahawan kontraktor Bumiputera di Pahang ini.

Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN KONTRAKTOR MELAYU MALAYSIA NEGERI PAHANG 2017.

Sekian. Terima kasih.